

**Kecewa dengan Pas, Ooi keluar DHPP
Utusan Online
26 Mac, 2012**

PULAU PINANG 25 Mac - Merasakan sumbangan serta kesetiaannya selama lebih 20 tahun kepada Pas tidak dihargai, Pengerusi Dewan Himpunan Penyokong Pas (DHPP) negeri, Dr. Ooi @ Vellautham hari ini mengambil keputusan melepaskan semua jawatannya dalam sayap parti itu.

Menurutnya, beliau bertindak demikian selepas Pas Pusat tidak memilih mana-mana ahli dari DHPP Pulau Pinang untuk diletakkan sebagai calon pada Pilihan Raya Umum akan datang.

Beliau yang juga Ketua Penerangan DHPP Pusat menjelaskan, langkah Pas Pusat itu seolah-olah meminggirkan DHPP negeri yang didakwa telah menarik ramai penyokong di kalangan bukan Islam.

"Amat malang sekali bagi mereka yang menyokong Pas selama ini.

"Saya terpaksa mengambil keputusan berundur sebab tidak lagi dapat melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan selama ini," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Sebelum ini, Pengerusi Lajnah Perpaduan Nasional Pas Pusat, Dr. Mujahid Yusof Rawa menjangkakan parti itu menurunkan lebih ramai calon bukan Islam pada pilihan raya umum akan datang.

Justeru, Mujahid meminta kepimpinan Pas di Selangor, Johor, Perak, Kedah, Sarawak dan Sabah memberi perhatian dalam pembahagian kerusi termasuk meletakkan calon daripada DHPP untuk bertanding, tetapi tidak mempertimbangkan calon dari DHPP Pulau Pinang.

Ooi berkata, kira-kira 50 ahli DHPP negeri turut mengambil keputusan untuk bersamasamanya meninggalkan Pas dan berkemungkinan ramai lagi akan berbuat demikian dalam masa terdekat.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0326&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_06.htm